

**Tiga Cadangan Persatuan Kami Kepada Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang
14-04-2008**

1) Cadangan Mengagihkan Tanah Rizab Sekolah Kepada Semua Aliran Sekolah Untuk Tujuan Pembinaan Sekolah

Persatuan kami mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dalam aspek perancangan bandar dan desa dan perancangan guna tanah, melaksanakan satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah yang meliputi semua aliran sekolah bukan keuntungan (*non-profit*) supaya tanah rizab sekolah di setiap kawasan perumahan boleh digunakan untuk membina sekolah mana-mana aliran yang diperlukan oleh penduduk setempat, termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Persendirian Cina yang bersifat bukan keuntungan.

Untuk tujuan di atas, persatuan kami mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengkaji semula dan meminda rancangan struktur/pelan struktur (*structure plan*), rancangan tempatan/pelan tempatan (*local plan*) dan garis panduan perancangan sekolah.

2) Cadangan Mengurangkan Cukai Tanah Sekolah Di Negeri Pulau Pinang

Persatuan kami berasa sukacita atas pengumuman Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan dengan cukai tanah yang dikenakan kepada semua aliran sekolah bukan keuntungan (*non-profit*), termasuk Sekolah Menengah Persendirian Cina ditetapkan pada satu kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setahun bagi setiap hakmilik, manakala bayaran jumlah tunggakan cukai tanah berkenaan yang sedia ada dikurangkan kepada kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) sahaja setiap tahun. Persatuan kami berharap pengumuman ini diwartakan sebagai satu dasar tetap supaya dapat dilaksanakan dengan lancar.

3) Cadangan Mempercepatkan Pemberian Peruntukan Kewangan Tahunan Kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina Di Negeri Pulau Pinang

Persatuan kami berasa sukacita atas pengumuman Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dalam belanjawan tahunan kerajaan negeri, memberi peruntukan pembangunan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina untuk membantu pembangunan sekolah-sekolah tersebut dan membeli kelengkapan yang diperlukan. Persatuan kami berharap dasar tersebut dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Jika Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh memperuntukkan sebidang tanah yang mencukupi untuk dimajukan supaya hasilnya digunakan semata-mata untuk membiayai perbelanjaan Sekolah Menengah Persendirian Cina di Negeri Pulau Pinang, ini akan dapat menyelesaikan masalah kewangan sekolah-sekolah ini secara jangka panjang.